

Oilcorp tinjau penyenaiaan di London

PETALING JAYA 3 Jan. – Syarikat pembangunan hartanah dan perkhidmatan minyak, Oilcorp Bhd., menyasar untuk menyenaiaan unit hartanahnya, D'Tiara Corp Sdn. Bhd., di Bursa Saham London di bawah Pasaran Pelaburan Alternatif pada akhir Mac.

"Pada peringkat ini, kami hampir menyelesaikan kajian kemungkinan dan menjangka hujung Mac untuk menyelesaikan proses berkenaan, tertakluk kepada kelulusan akhir penasihat yang dilantik," kata Pengarah Eksekutif, Pua Yow Liang kepada pemberita selepas mesyuarat agung luar biasa syarikat di sini hari ini.

Mengenai jumlah yang dijangka bakal diperoleh syarikat daripada proses itu, Pua berkata, syarikat masih dalam perbincangan dengan penasihat untuk satu nilai yang bersesuaian.

"Kami masih belum memperoleh sebarang angka. Kami masih menjalankan kajian kemungkinan akhir sebelum bersetuju dengan penilaian yang dibuat," katanya.

Pua berkata, projek di KL Sentral, yang dilancarkan tahun lepas, dijangka siap pada akhir 2010.

"Syarikat bersama-sama Amanah Raya Development Sdn. Bhd., anak syarikat Amanah Raya Bhd., membangunkan menara pejabat setinggi 35 tingkat dan blok hotel 33 tingkat dikenali sebagai D'Tiara Office and Hotel Suites dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM330 juta," katanya.

Bagi projek Pulau Indah, beliau berkata syarikat telah mendapat kelulusan perancangan dan kini dalam proses untuk mengemukakan pelan bangunan.

– Bernama